




PESERTA menyebarkan risalah kepada masyarakat Melayu Campa.



MASYARAKAT Melayu Campa menyertai program pengantarabangsaan.



PELAJAR pengajian warisan FTKW melakukan kerja kemasyarakatan.

Pelajar UMK selami kehidupan Melayu Campa

Oleh Liu Pei Wen

bhvarsiti@bharian.com.my

SELEPAS empat tahun membina nama sebagai sebuah universiti keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini bangga apabila mengungguli agenda kemasyarakatan terutama dalam program khidmat masyarakat dan misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

Hampir setiap tahun, UMK menganjurkan pelbagai aktiviti dan program komuniti dalam membantu serta meringankan beban penduduk di negara miskin yang menghadapi bencana di samping memberi ikhtibar kepada warga UMK.

Bagi melaksanakan tanggungjawab sosial itu, UMK melalui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) mengadakan Kerja Lapangan, Sosial dan Program Antarabangsa Pelajar Pengajian Warisan ke Kemboja, baru-baru ini.

Seramai 20 pelajar pengajian warisan FTKW bersama enam pegawai pengiring yang diketuai oleh Dekan FTKW, Prof Ma-



SERAMAI 20 pelajar pengajian warisan FTKW bersama pegawai pengiring bergambar kenangan di Wilayah Kamponcham, sempadan Siem Reap dan Phnom Penh.

dya Ab Aziz Shuaib menyertai program bagi menyelami nasib penduduk Melayu Campa di wilayah Kamponcham yang terletak antara Siem Reap dan Phnom Penh.

Pensyarah FTKW, Nawwal Abdul Kadir berkata, program kemanusiaan ini memberi peluang kepada peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan melihat sendiri kehi-

dupan di pedalaman Kemboja terutama Kampung Cham yang banyak memberi keinsafan kepada peserta betapa bertuahnya hidup di tanah air sendiri. "Walaupun hanya berada

selama lima hari di sana, peluang ini tidak akan kami lupakan kerana dapat merasakan sendiri kepayahan hidup di kampung tanpa bekalan air, elektrik, jalan tanah merah

dan kemudahan tandas yang daif," katanya dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, misi kemanusiaan kali ini turut mencabar peserta kerana ia dilakukan pada bulan Ramadan bagaimanapun peluang ini dihargai oleh pihaknya kerana menjadi peluang keemasan untuk bersama masyarakat di sana meraiikannya.

Katanya, keadaan itu turut menyentuh hati para peserta kerana mereka dapat melihat sendiri bagaimana penduduk Kemboja menyambut ketibaan Ramadan dan Aidilfitri dalam serba kedaifan.

"Selain itu, misi bantuan kali ini serba sedikit dapat meringankan beban penduduk yang dibelenggu kemiskinan kerana ada sebahagian daripada mereka menjadikan rumah yang daif dan buruk sebagai tempat perlindungan daripada panas dan hujan.

"Hasil tinjauan pelajar mengenai aktiviti ekonomi masyarakat Cham pula, kebanyakan penduduk bergantung kepada pertanian iaitu menanam padi, jagung, kelapa laut, mata kucing dan sebagainya," katanya.